

## Tip bagi Pengurus Syarikat: Menilai Prestasi Semasa COVID-19



Memandangkan banyak cabaran yang dihadapi akibat COVID-19, banyak syarikat memikirkan semula cara mereka menilai prestasi pekerja. Sekiranya anda seorang pengurus, pertimbangkan cadangan ini.

### Sesuaikan jangkaan

Kita semua sedang bekerja dalam keadaan krisis global melanda. Dan ianya memberi kesan besar kepada kesihatan fizikal, mental dan emosi. Ramai pekerja kini bekerja di persekitaran yang baru. Ramai yang telah beralih untuk memikul tanggungjawab baru. Mereka mungkin mengurus penjagaan anak atau orang tua mereka. Mereka mungkin berhadapan dengan tekanan kewangan baru. Mereka mungkin mempunyai ahli keluarga yang berisiko tinggi, sakit atau telah meninggal dunia. Mungkin diri mereka sendiri yang sakit..

Semua faktor ini perlu diambil kira semasa mengkaji prestasi. Cuba ubah fokus anda jauh daripada produktiviti. Sokong penglibatan, hubungan dan kesejahteraan.

### Sebelum meneruskan penilaian prestasi, pertimbangkan matlamat anda

Beberapa syarikat masih meneruskan penilaian prestasi. Manakala yang lain tidak melakukannya sama sekali. Semasa memutuskan perkara yang paling baik untuk syarikat anda, fikirkan matlamat anda. Juga, pertimbangkan bagaimana respons pekerja terhadap penilaian seperti ini.

Sebagai contoh, adakah penilaian ini berkaitan dengan kenaikan gaji atau promosi yang tidak lagi ada? Adakah terdapat risiko bahawa ianya boleh menimbulkan tekanan dan kebimbangan tanpa manfaat yang sesuai? Atau adakah penilaian adalah cara organisasi anda memastikan pekerja memahami dengan jelas tujuan mereka dan sebagai panduan yang diperlukan? Adakah ianya akan membantu mengekalkan rasa normal dan mendapat sokongan?

Tidak kira sama ada anda akhirnya mendapat ulasan prestasi, pastikan anda sentiasa mendapat maklum balas dari pekerja anda. Peluang untuk berhubung ini adalah lebih penting pada masa ini.

## Pertimbangkan pendekatan, perbincangan yang lebih berkualiti

Format penilaian pekerja boleh disesuaikan dengan beberapa cara:

- Banyak sekolah telah beralih ke model penggredan lulus / gagal. Skala penggredan anda mungkin perlu disesuaikan juga. Kaji semula ukuran atau metrik yang biasa anda gunakan. Dengan lanskap baru ini, adakah ianya bergantung pada sasaran yang tidak masuk akal? Adakah matlamat yang ditetapkan untuk atau oleh pekerja sebelum COVID-19 masih sesuai? Ianya boleh diperbaiki atau hentikan seketika buat masa ini.
- Banyak syarikat tidak lagi melakukan penilaian berbentuk nombor. Penilaian sebaliknya boleh lebih bersifat naratif dan bernuansa. Syarikat boleh pertimbangkan untuk mengubah keadaan ini.
- Dapatkan input pekerja. Biarkan mereka sampaikan apa yang mereka fikir mengenai perkara yang ingin mereka fokuskan dan apa yang mereka perlukan bantuan. Adakah mereka merasa senang dengan apa yang telah mereka capai? Adakah terdapat alat atau sumber yang mereka perlukan dari pihak pengurusan untuk menyesuaikan diri dengan keadaan baru? Apakah yang mereka perlukan untuk memastikan mereka mempunyai projek dan tugas yang memotivasi untuk mereka lakukan?
- Adalah penting untuk memberikan sebarang maklum balas yang diperlukan. Tetapi jangan lupa bahawa penilaian juga harus merangkumi apa yang telah dilakukan oleh pekerja dengan baik. Hargai kualiti yang sangat berharga pada masa ini. Ini termasuk fleksibiliti, ketahanan diri dan menyokong orang lain.

Program ini tidak harus digunakan untuk kecemasan atau keperluan penjagaan segera. Dalam keadaan kecemasan, hubungi 911 jika anda berada di Amerika Syarikat atau nombor telefon kecemasan tempatan jika anda berada di luar Amerika Syarikat, atau pergi ke jabatan kemalangan dan kecemasan yang berdekatan. Program ini bukanlah pengganti untuk rawatan doktor atau profesional. Oleh kerana terdapat potensi konflik kepentingan, perundangan undang-undang tidak akan disediakan bagi isu-isu yang mungkin melibatkan tindakan undang-undang terhadap Optum atau sekutunya, atau sebarang entiti di mana pemanggil sedang menerima perkhidmatan ini secara langsung (contohnya, pelan majikan atau kesihatan). Program ini dan semua komponennya, khususnya perkhidmatan kepada ahli keluarga di bawah umur 16 tahun, mungkin tidak tersedia di semua lokasi dan tertakluk pada perubahan tanpa pemberitahuan terlebih dahulu. Pengalaman dan/atau tahap pendidikan sumber Program Bantuan Pekerja (EAP) mungkin berbeza berdasarkan keperluan kontrak atau keperluan peraturan negara. Pengehadan dan pengecualian perlindungan boleh dikenakan.

Optum® adalah tanda dagang berdaftar Optum, Inc. di A.S dan kawasan yang lain. Semua jenama atau nama produk lain adalah tanda dagangan atau tanda berdaftar harta milikan persendirian pemilik masing-masing. Optum adalah majikan peluang sama rata.

© 2020 Optum, Inc. Semua hak cipta terpelihara. WF998385 203787-072020